



Ruj. Kami : KDN.K.R.600-5/1/1 JLD.10 (15)

Tarikh : 10 Mac 2023

SEPERTI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN KESELAMATAN PENGGUNAAN SISTEM KESELAMATAN PENCEROBOHAN DRON DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN

TUJUAN

Arahan keselamatan ini disediakan adalah bertujuan untuk membantu Penghuni / Pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan dalam menyediakan pelan tindakan penggunaan sistem keselamatan terhadap pencerobohan dron di Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan selaras dengan peraturan-peraturan agensi kerajaan yang berkuatkuasa.

LATAR BELAKANG

2. Teknologi dron atau sistem kapal udara tanpa pemandu (UAS) mutakhir ini banyak membantu dalam pengurusan harian sama ada di dalam sektor pertanian, pembinaan, keselamatan dan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, terdapat kejadian-kejadian penggunaan dron tanpa kebenaran dilakukan berdekatan kawasan-kawasan yang sensitif dan dari aspek keselamatan ia boleh mengundang bencana akibat kecuaiannya. Bentuk kawalan dari aspek perundangan, peraturan-peraturan penerbangan dan penguatkuasaan sedia ada menjadi tunjang penting bagi menghindari sebarang kejadian yang tidak diingini.

3. Penggunaan peralatan *anti-drone* yang mempunyai keupayaan untuk *frequency jamming* adalah suatu kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 seperti yang disenaraikan di bawah:

Bil.	Perundangan	Maklumat
i.	Seksyen 182	Kesilapan menghalang kebolehooperasian komunikasi awam.
ii.	Seksyen 238	Menghantar ralat daripada kesempurnaan atau peranti bukan standard.
iii.	Seksyen 239	Penyalahgunaan, pemilikan atau taklimat tidak dibenarkan, kesempurnaan atau peralatan yang tidak standard.
iv.	Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Kejuruteraan) 2000	Larangan terhadap penjualan, tawaran penjualan atau ada dalam milikan peralatan komunikasi yang bertentangan dengan standard atau tidak diperakui.
v.	Peraturan 34(5), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000	Kesalahan dengan sengaja menggunakan apa-apa radas dengan cara yang akan menyebabkan gangguan kecil, gangguan besar atau gangguan mudarat.
vi.	Penentuan Suruhanjaya mengenai Piawaian Mandatori Untuk Kualiti Perkhidmatan (Perkhidmatan Selular Awam), Penentuan No. 3 Tahun 2021	Bercanggah dengan standard mandatori tahap kualiti perkhidmatan yang wajib dipatuhi oleh semua penyedia perkhidmatan.
vii.	Penentuan Suruhanjaya mengenai Piawaian Mandatori untuk Kualiti	Bercanggah dengan standard mandatori tahap kualiti perkhidmatan yang wajib dipatuhi oleh semua penyedia

Bil.	Perundangan	Maklumat
	Perkhidmatan (Perkhidmatan Akses Jalur Lebar Tanpa Wayar), Penentuan No. 2 tahun 2021	perkhidmatan.

4. Gangguan yang dihasilkan daripada sistem *anti-drone* boleh menyebabkan kesan-kesan berikut dari aspek radio komunikasi:

- a) Gangguan radio frekuensi kepada perkhidmatan-perkhidmatan radio komunikasi lain yang beroperasi dalam jalur-jalur yang dinyatakan di atas seperti Wifi, CCTV wayarles dan pelbagai peralatan *wireless* yang lain;
- b) Gangguan radio komunikasi yang akan menjejaskan kualiti perkhidmatan yang wajib dipatuhi oleh semua operator perkhidmatan rangkaian telefon selular awam dan perkhidmatan capaian jalur lebar *wireless* seperti mana yang termaktub dalam *Commission Determination on the Mandatory Standards for Quality of Service (Public Cellular Service), Determination No. 3 of 2021* dan *Commission Determination on the Mandatory Standards for Quality of Service (Wireless Broadband Access Service), Determination No. 2 of 2021*; dan
- c) Gangguan kepada ketepatan sistem Sistem Kedudukan Global (GPS) yang merupakan elemen penting navigasi untuk tujuan keselamatan bagi sistem penerbangan.

5. Oleh itu, keperluan penggunaan peralatan *drone jammer* harus dinilai berdasarkan keperluannya oleh pihak berkuasa dengan mengambil batasan perundangan sedia ada.

PROSES PERMOHONAN

6. Penghuni/ Pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan yang bercadang untuk menggunakan sistem keselamatan terhadap pencerobohan dron hendaklah memastikan instalasi tersebut telah diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan selaras dengan Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

7. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan KPKK. SP.04 seperti di **Lampiran 1** secara bersurat kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang mengandungi justifikasi dan penilaian risiko berhubung penggunaan sistem keselamatan pencerobohan dron berserta maklumat-maklumat seperti berikut:

- a) Kawasan liputan sistem *anti-drone/ drone jammer*;
- b) Spesifikasi sistem *drone detector*; dan
- c) Spesifikasi *anti-drone* (jika berkaitan).

8. Permohonan penghuni/pemilik pemasangan akan diproses oleh Pegawai CGSO berdasarkan justifikasi dan penilaian risiko yang dinyatakan termasuk penggunaan dron dan sistem pengesanan *anti-drone yang* sesuai dalam pemasangan.

9. Sekiranya justifikasi dan penilaian risiko yang dikemukakan oleh pemohon adalah wajar, pejabat CGSO akan mengesyorkan dan mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak berkuasa seperti yang berikut:

- a) Kawasan liputan sistem *anti-drone*: Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM);
- b) Sistem pengesanan dron: SIRIM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC); dan
- c) Sistem *anti-drone*: MCMC.

10. Permohonan akan dikemukakan kepada CAAM bagi tujuan item perenggan 7 (a) dan kemudiannya untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak MCMC bagi item perenggan 7 (b) dan (c). Setelah mendapat kelulusan daripada pihak MCMC, Pejabat CGSO akan mengeluarkan surat kebenaran bertulis dan kemudiannya pihak pemohon hendaklah mendapatkan sijil penguntukan radas dari pihak MCMC. Sila rujuk carta alir seperti di **Lampiran 2**.

KEPERLUAN OPERASI

11. Penghuni/pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan hendaklah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menyenaraikan sekurang-kurangnya perkara yang diperincikan seperti di **Lampiran 3**.

a) Sistem Pengesan Dron

Sekiranya terdapat sebarang pencerobohan dan pelanggaran keselamatan, pemilik instalasi boleh mengambil tindakan dengan menyediakan maklumat yang diperlukan untuk laporan/siasatan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- i) Tarikh dan masa kejadian;
- ii) Maklumat lengkap pegawai yang merekodkan maklumat; dan
- iii) Ringkasan kejadian pencerobohan.

b) Sistem Anti-Drone

Setelah menerima Kelulusan Khas (sila rujuk **Lampiran 4**) daripada MCMC untuk mengendalikan peranti, pemilik instalasi boleh mengambil mekanisma tindakan mendaratkan *drone* secara paksa (*drone force landing*) di kawasan yang selamat dalam premis kejadian sekiranya pencerobohan berlaku. Maklumat yang diperlukan untuk laporan/siasatan:

- i) Gambar;
 - ii) Nombor siri UAS;
 - iii) Tarikh dan masa kejadian;
 - iv) Maklumat lengkap pegawai yang merekodkan maklumat;
 - v) Maklumat mengenai penggunaan *drone jammer*; dan
 - vi) Ringkasan kejadian pencerobohan.
- c) Keperluan untuk penggunaan peralatan *anti-drone (drone jammer)*
- i) Tempoh pengaktifan peralatan *drone jammer* hendaklah dihadkan pada kadar paling minimum yang diperlukan untuk bertindak terhadap sasaran ancaman dalam kawasan yang telah ditetapkan.
 - ii) Had keluasan jejari efektif penggunaan peralatan *drone jammer* hendaklah tidak melebihi had kawasan atau tempat pemasangan yang diluluskan.
 - iii) Peralatan *drone jammer* tersebut hendaklah boleh diakses, dikendalikan dan terhad kepada kakitangan yang bertauliah.
 - iv) Sebarang pengaktifan peralatan *drone jammer* hendaklah direkodkan secara terperinci dalam buku log dan rekodnya serta laporannya hendaklah dikemukakan kepada pihak MCMC secara tahunan atau apabila diminta oleh MCMC.
 - v) SOP yang lengkap perlu dibangunkan dan dibentangkan kepada MCMC sebelum sistem *anti-drone* beroperasi.
 - vi) Pihak yang menggunakan peralatan *drone jammer* tersebut hendaklah mengambil segala langkah yang perlu bagi memastikan bahawa tiada gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan berlaku.
 - vii) Pihak yang menggunakan peralatan *drone jammer* tersebut hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sebarang gangguan frekuensi kepada perkhidmatan radio komunikasi dan hendaklah mengambil segala langkah yang perlu bagi menghapuskan apa-apa gangguan kecil, gangguan besar atau gangguan mudarat.

- viii) Pihak yang menggunakan peralatan *drone jammer* tersebut hendaklah memastikan bahawa peralatan yang menyebabkan gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan semasa penggunaan perlu diberhentikan operasinya sehingga suatu masa apabila gangguan besar atau gangguan yang memudaratkan itu dihapuskan.
- ix) Pematuhan terhadap sebarang syarat lain yang ditetapkan oleh MCMC mengikut keperluan semasa.

12. Pihak penghuni / pemilik instalasi juga hendaklah melaporkan sebarang pencerobohan dan pelanggaran keselamatan kepada:

- a) Laporan polis di Balai Polis berhampiran;
- b) CGSO melalui Borang I/TNSP/JPSP/ 1-2011- (Borang Laporan Awal Ancaman / Kemalangan / Insiden di Sasaran Penting); dan
- c) CAAM menerusi laporan kepada <https://www.caam.gov.my>

KEPERLUAN TEKNIKAL

13. Penggunaan peralatan pengesan radar dan *drone jammer* hendaklah mematuhi spesifikasi teknikal seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 5** dan jadual di bawah:

Bil.	Item	Jenis Aplikasi	Rujukan
1.	Perakuan	Kelulusan Khas	Pembangunan Standard
2.	Perlesenan	Penguntukan Radas	Radio Spektrum Penguntukan

KEPERLUAN KAKITANGAN

14. Adalah menjadi kewajipan penghuni/pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan untuk memastikan Polis Bantuan (AP) yang

dipertanggungjawabkan cekap dalam menjalankan tugas tersebut. Latihan hendaklah terdiri daripada:

- a) Latihan berhubung peralatan yang digunakan perlulah diperolehi melalui syarikat Pengeluar Peralatan Asal (OEM - *Original Equipment Manufacturer*) dan ia perlu merangkumi modul berikut:
 - i) Peraturan dan undang-undang;
 - ii) Had; dan
 - iii) Penggunaan Pembedahan (Prosedur Biasa, Tidak Normal dan Kebimbangan).
- b) Penulisan Laporan.
- c) Pengenalan kepada penghuni/pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan berhubung SOP.
- d) Penghuni/pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan hendaklah juga menjalankan *exercise drills* (*Tabletop* secara bersama dengan pihak berkuasa yang berkaitan).
- e) Penghuni/pemilik Sasaran Penting dan Kawasan Larangan Tempat Larangan hendaklah mengemas kini senarai kakitangan dan juga latihan yang dijalankan sekiranya terdapat sebarang perubahan.

PERHUBUNGAN

15. Keterangan lanjut berkaitan Arahan Keselamatan ini dan pelaksanaan tapisan keselamatan melalui Sistem *e-Vetting* hendaklah dirujuk kepada Bahagian Keselamatan Personel, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia seperti di alamat berikut:

**Bahagian Sasaran Penting Dan Kawasan Larangan Tempat Larangan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 1, Blok SP7
Kompleks Setia Perdana**

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: 03-8872 6089

E-mel : bspkltl@cgso.gov.my


TARIKH KUAT KUASA

16. Penghuni Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan hendaklah mematuhi Arahan Penggunaan Sistem Keselamatan Pencerobohan Dron Di Sasaran Penting Dan Kawasan Larangan Tempat Larangan yang berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI)

Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting

Tarikh: 10 Mac 2023

Salinan Kepada:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

2. **YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM**
Panglima Angkatan Tentera Malaysia
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Wisma Pertahanan
50634 Kuala Lumpur

3. **YBhg. IG Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani**
Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50506 Kuala Lumpur

4. **YBhg. Dato' Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

5. **YBhg. Datuk Rodzi bin Md Saad**
Ketua Pengarah Keselamatan Negara
Majlis Keselamatan Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras LG & G, Blok Barat
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

6. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Pengarah Imigresen
Jabatan Imigresen Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
No 15 Tingkat 1-7, Persiaran Perdana, Presint 2
62550 Wilayah Persekutuan Putrajaya

7. **YBhg. Datuk Khairul Shahril bin Idrus**
Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Aras B1, 6 & 7
Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 1
62502 Putrajaya

8. **YBhg. Dato' Ir. Dr. Haji Md. Nasir bin Md. Noh**
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

9. **YBrs. Rahimi bin Ismail**
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Selaku Setiausaha
Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting
Aras-1, 1 & 2 Blok B7, JPM
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
10. **YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad**
Ketua Staf
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
*-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Wilayah Persekutuan
Labuan*
11. **YDH CP Dato' Sri Hazani bin Ghazali**
Pengarah
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50506 Kuala Lumpur
12. **YDH CP Dato' Haji Baharuddin bin Hj. Ahmad**
Pengarah
Cawangan Khas
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50506 Kuala Lumpur

13. **YBrs. Encik Zulkarnain bin Mohd Yasin**
Ketua Pegawai Kawalselia
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
MCMC Tower 1, Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
14. **YBrs. Captain Norazman bin Mahmud**
Pengerusi
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
Aras 3, Blok Podium A/B,
No.27, Persiaran Perdana, Presint 4,
62618 Putrajaya
15. **YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu
Sabah
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Sabah
16. **YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Pejabat Ketua Menteri
Tingkat 20, Wisma Bapa Malaysia
Petrajaya
93502 Kuching
Sarawak
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Sarawak

17. **YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani**
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79503 Nusajaya
Johor
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Johor
18. **YB Dato' Nazran bin Muhammad**
Setiausaha Kerajaan Kelantan
Aras 4, MABNA-MBI (Blok 8)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Kompleks Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Kelantan
19. **YB Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
01000 Kangar
Perlis
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Perlis
20. **YB Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil**
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu
Terengganu
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Terengganu

21. **YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak**
Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Tingkat 2, Blok A
Wisma Sri Pahang
25503 Kuantan
Pahang
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Pahang
22. **YB Dato' Haji Haris bin Kasim**
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
Selangor
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Selangor
23. **YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim**
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000, Ipoh
Perak
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Perak
24. **YB Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar**
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Paras 25, KOMTAR
10503 Georgetown
Pulau Pinang
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Pulau Pinang

25. **YB Datuk Wira Zaidi bin Johari**
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Aras 3, Blok Bendahara
Seri Negeri Hang Tuah Jaya
Ayer Keroh
75450 Melaka
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Melaka
26. **YB Dato' Haji Norizan bin Khazali**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Kedah
27. **YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban
Negeri Sembilan
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Sembilan
28. **YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah**
Datuk Bandar Kuala Lumpur
Pejabat Datuk Bandar
Tingkat 27, Menara DBKL
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
-Selaku Pengerusi Jawatankuasa Sasaran Penting W.P. Kuala Lumpur

Edaran Urus Setia Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri:

1. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu

2. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Kelantan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Bangunan KWSP
Jalan Padang Garong
15000 Kota Bharu

3. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Selangor
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 3, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam

4. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sarawak
Tingkat 3, Bangunan Marzuki
Lot 1656, Seksyen 65
Jalan Tun Haji Abdul Rahman Yaakub
Petrajaya 93050 Kuching

5. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Johor
Jabatan Perdana Menteri
P.O. Box 55, Tingkat 5, Bangunan KWSP
Jalan Dato' Dalam
80000 Johor Bahru

6. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Perak
Tingkat Bawah Blok C
Bangunan Persekutuan Perak
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
Greentown 30450 Ipoh

7. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Terengganu
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Tabung Haji/Agro Bank
Tingkat 5, No 160 Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu

8. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya

9. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Wilayah Persekutuan Labuan
Jabatan Perdana Menteri
No.7 (A1), Tingkat 7, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan Labuan
87000 Wilayah Persekutuan Labuan

10. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Perlis
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 5, Bangunan Persekutuan Kangar
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar

11. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Pulau
Pinang
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 Georgetown

12. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Pahang
Jabatan Perdana Menteri
B-8028 Tingkat 2, Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek
25000 Kuantan

13. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Melaka
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 14, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Air Keroh


14. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sembilan
No.D10, Tingkat 2, Bangunan Akhma
Persiaran Utama S2-1, Seremban 2
70300 Seremban

15. Pengarah Keselamatan Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Kedah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Zon B, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Sultan Muazam Shah
06550 Alor Setar

(Semua Setiausaha Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Dipohon untuk memanjangkan perkara ini supaya dapat diambil tindakan oleh Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri/ Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan/ Pemilik/Penghuni Sasaran Penting Negeri masing-masing)

LAMPIRAN A

- Lampiran 1 : Borang Permohonan (KPKK.SP.04)
- Lampiran 2 : Carta Alir Permohonan
- Lampiran 3 : Prosedur Operasi Standard (SOP)
- Lampiran 4 : Permohonan Kelulusan Khas
- Lampiran 5 : Spesifikasi Teknikal Peralatan *Drone Jammer* dan Pengesanan Radar



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
TELEFON : 03-88726090 / 03-88726086
FAX : 03-88810976

**BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN SISTEM KESELAMATAN TERHADAP PENCEROBOHAN *DRONE* DI
SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN**

Maklumat Permohonan

1. Permohonan Pengesanan Radar 2. Permohonan Sistem *Anti-drone*

*Sila tandakan "/" mana yang berkenaan


BIL.	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Instalasi	
2.	Alamat	
3.	No. Warta / Pengisytiharan	
4.	Pemilik / Penghuni	
5.	Jenis Perkhidmatan / Keluaran	
6.	Nama Pegawai Bertanggungjawab	
7.	Nilai Aset	
8.	Jenis Pengawal Keselamatan / Pasukan Keselamatan	
9.	Bilangan Anggota Pengawal	
10.	Bilangan Pekerja Di SP/ KLTL	

- Sila sertakan Perihal/Pewartaan/ Pengisytiharan sebagai Kawasan Larangan / Tempat Larangan / Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.
- Mengemukakan satu (1) salinan Pelan Warta / Pelan Akui / Pelan Hidrografi semasa proses pengisytiharan terdahulu.
- Melengkapkan borang perakuan untuk mematuhi semua keperluan dan syarat yang telah ditetapkan (seperti di lampiran).

**BORANG PERAKUAN PEMATUHAN
 PENGGUNAAN SISTEM KESELAMATAN TERHADAP PENCEROBOHAN
 DRONE DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT
 LARANGAN**

BORANG PERAKUAN PEMATUHAN	
<p>Saya mewakili Ketua Jabatan mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan di dalam borang permohonan ini adalah benar dan sah. Sekiranya berlaku kesilapan yang boleh dikategorikan sebagai tidak jujur atau tidak amanah, tidak bertanggungjawab dan tidak mematuhi peraturan-peraturan penggunaan sistem keselamatan terhadap pencerobohan <i>drone</i> selepas kelulusan diberikan, kebenaran penggunaan peralatan sistem keselamatan tersebut boleh ditarik balik selaras dengan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.</p>	
Tandatangan	_____
Nama	_____
Jawatan	_____
Tarikh	_____
Cop Jabatan	_____

**CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN SISTEM KESELAMATAN
TERHADAP PENCEROBOHAN DRON DI SASARAN PENTING DAN KAWASAN
LARANGAN TEMPAT LARANGAN**



Prosedur Operasi Standard (SOP)

1. Prosedur Operasi Standard mesti menggariskan sekurang-kurangnya seperti berikut:

1.1 Gambaran keseluruhan organisasi

a) Bahagian ini menerangkan bagaimana organisasi ditakrifkan, untuk menyokong operasi yang selamat. Ia harus termasuk:

- i) struktur organisasi dan pengurusannya;
- ii) keperluan pra-syarat minimum untuk menjadi kakitangan yang terlibat dalam operasi pengesan *drone* dan jika berkenaan *drone jammer*; dan
- iii) tanggungjawab dan tugas kakitangan yang terlibat.

1.2 Keselamatan

- a) Organisasi harus menerangkan bagaimana keselamatan disatukan dalam organisasi, dan sistem pengurusan keselamatan yang ada, jika berkenaan.
- b) Sebarang maklumat berkaitan keselamatan tambahan hendaklah diberikan.

1.3 Reka bentuk dan pengeluaran

- a) Ia harus memberikan maklumat mengenai pengeluar pengesan *drone* dan jika berkenaan *drone jammer* yang akan digunakan.

1.4 Latihan kakitangan yang terlibat dalam operasi

- a) Bahagian ini harus menerangkan latihan:
 - i) organisasi atau entiti yang melayakkan semua kakitangan yang terlibat dalam operasi berkenaan dengan operasi;
 - ii) proses dan prosedur yang diperlukan oleh kakitangan yang terlibat untuk memastikan bahawa kakitangan yang terlibat

adalah kompeten, dan bagaimana kelayakan dijalankan;
dan

- iii) proses dan prosedur yang melibatkan personel berdasarkan kekerapan dalam melaksanakan pelbagai jenis tugas.

1.5 Penyelenggaraan

a) Bahagian ini harus menerangkan:

- i) falsafah penyelenggaraan umum pengesan *drone* dan jika berkenaan *drone jammer*;
- ii) prosedur penyelenggaraan untuk pengesan *drone* dan jika berkenaan *drone jammer* ; dan
- iii) organisasi penyelenggaraan, jika diperlukan.

1.6 Kakitangan terlibat

a) Bahagian ini harus menerangkan:

- i) tanggungjawab dan tugas kakitangan, termasuk semua jawatan dan orang yang terlibat; dan
- ii) operasi pelbagai jenis pengesan *drone* dan jika berkenaan *drone jammer*, termasuk butiran apa-apa batasan kepada jenis peranti yang boleh dikendalikan oleh kakitangan jika sesuai.

1.7 Kedudukan lain dan maklumat lain

a) Sebarang kedudukan lain yang ditakrifkan dalam organisasi atau apa-apa maklumat lain yang berkaitan hendaklah diberikan.

1.8 Operasi

a) Strategi operasi biasa:

- i) Strategi operasi biasa harus mengandungi semua langkah keselamatan seperti langkah-langkah teknikal atau prosedur, latihan krew, dan lain-lain yang dilaksanakan untuk memastikan bahawa mereka dapat memenuhi

- operasi dalam batasan yang diluluskan, dan supaya operasi tetap terkawal;
- ii) Ia juga harus menerangkan tahap penglibatan (LoI) kakitangan yang terlibat dalam operasi;
 - iii) pemohon perlu diandaikan bahawa semua sistem berfungsi dengan normal dan seperti yang dimaksudkan;
 - iv) pemohon perlu memberikan pemahaman yang jelas tentang bagaimana operasi berlaku dalam batasan teknikal, alam sekitar dan prosedur yang diluluskan; dan
 - v) pemohon perlu menerangkan prosedur operasi biasa yang disediakan untuk operasi.

1.9 Prosedur kontingensi dan kecemasan:

- a) pemohon perlu menerangkan prosedur kontingensi yang ada untuk sebarang kerosakan atau operasi pengesanan *drone* yang tidak normal dan jika *jammer drone* yang berkenaan sebagai well sebagai kecemasan.
- b) pemohon juga harus memperincikan pelan sekiranya selepas prosedur *jamming* dan peristiwa kehilangan operasi kawalan berlaku.

1.10 Prosedur pelaporan kejadian:

- a) UAS, seperti semua pesawat, tertakluk kepada penyiasatan kemalangan dan skim pelaporan kejadian. Pelaporan mandatori atau sukarela hendaklah dijalankan menggunakan proses pelaporan yang disediakan oleh pihak berkuasa yang berwibawa. Sekurang-kurangnya SOP harus mengandungi prosedur pelaporan sekiranya:
 - i) kerosakan kepada harta benda;
 - ii) pelanggaran dengan pesawat lain; atau
 - iii) kecederaan serius atau maut (pihak ketiga dan kakitangan sendiri).

- b) prosedur dokumentasi dan pengelolan data perlu menerangkan bagaimana rekod dan maklumat disimpan dan disediakan. Jika diperlukan oleh AAIB, CAAM, dan entiti kerajaan lain (contohnya, polis) seperti yang berkenaan.

Nota: Panduan boleh didapati dalam CAD 1900, Laporan Kejadian Mandatori.

Permohonan Kelulusan Khas

Peralatan *drone jammer* adalah tertakluk kepada Kelulusan Khas yang diluluskan oleh MCMC. Berikut adalah dokumen-dokumen yang diperlukan bagi tujuan tersebut penilaian permohonan:

- a) Surat permohonan dengan jelas menyatakan tujuan permohonan itu dinyatakan;
- b) Borang permohonan Kelulusan Khas yang lengkap di isi serta dokumen sokongan (Pautan:<https://mcmc.gov.my/en/communicationsequipment/certification-of-communications-equipment>);
- c) Surat kebenaran daripada Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) untuk pemasangan peralatan *drone jammer* untuk tujuan keselamatan kawasan Sasaran Penting atau KLTL;
- d) Peta sandaran kawasan penggunaan peralatan *drone jammer*;
- e) Salinan kad pengenalan pegawai yang diberi kuasa dan dilantik untuk mengendalikan operasi penggunaan peralatan *drone jammer* tersebut; dan
- f) Salinan Digital *Certified True Copy* (CTC) pendaftaran syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 2016.

Hanya permohonan lengkap mengandungi dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas akan diproses dan dipertimbangkan kelulusan penggunaannya.

Spesifikasi Teknikal

1. Peralatan *Drone Jammer*

- a) Jalur frekuensi penghantaran bagi operasi *drone jammer* adalah terhad seperti yang tersenarai dalam garis panduan UAS yang telah diterbitkan oleh pihak MCMC.
- b) Dokumen berkenaan boleh diakses melalui pautan berikut:

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN SPEKTRUM RADIO UNTUK PESAWAT
TANPA PEMANDU

- c) Antena rasuk yang digunakan bersama-sama dengan peralatan *drone jammer* harus menggunakan jenis *arah* mengikut arah kecuaian *drone*.¹
- d) Kuasa pancaran *Effective Isotropic Radiated Power* ("**EIRP**") bagi peralatan *drone jammer* hendaklah boleh dilaraskan dan dihadkan pada kadar paling minimum yang diperlukan untuk bertindak terhadap sasaran ancaman dalam kawasan yang telah ditetapkan sahaja (tertakluk kepada ujian lapangan).

2. Pengesan Radar

- a) Pemohon hendaklah mendapatkan Penguntukan Radas daripada MCMC bagi membolehkan penggunaan peralatan pengesan radar.
- b) Maklumat lanjut mengenai permohonan Penguntukan Radas dan borang permohonan boleh di akses melalui pautan MCMC.

¹ Penggunaan peralatan menghantar antena *drone jammer* Jenis *omnidirectional* akan memberikan kesan yang lebih besar kepada sistem radiokomunikasi sedia ada yang beroperasi dalam jalur frekuensi yang sama